

SPRM selar pembangkang
Utusan Online
15 April, 2012
Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA

BAGAN DATOH 14 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyelar sikap memilih bulu pembangkang yang sering menuduh suruhanjaya itu mahu menjatuhkan kerajaan negeri pembangkang jika terdapat Exco atau pemimpin mereka disiasat berhubung kes rasuah.

Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed berkata, pembangkang sering kali mempolitikkan siasatan SPRM jika ia melibatkan pemimpin mereka tetapi mendesak siasatan dipercepatkan jika pemimpin politik itu daripada Barisan Nasional (BN).

"Rasuah ini bukan isu yang wajar dipolitikkan, ini isu jenayah tetapi jika kita siasat pemimpin di negeri yang dikuasai pembangkang mereka tuduh SPRM mahu menjatuhkan kerajaan mereka sedangkan rasuah tidak mengenal parti politik.

"Kita suruhanjaya bebas, kita siasat semua malah, seorang Exco Barisan Nasional (BN) di negeri ini pernah disiasat dan disabitkan kesalahan rasuah tapi tidak menjadi isu politik seperti dilakukan pembangkang," katanya ketika berucap pada Program Peduli Jujur Sinar SPRM, di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan Menteri Pertahanan yang juga Ahli Parlimen Bagan Datoh, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Sementara itu, ditanya mengenai gesaan Ahmad Zahid agar SPRM menempatkan pegawai penyiasat di atas bot nelayan laut dalam di Bagan Datoh ekoran terdapat dakwaan mereka sering diperas ugut pihak berkuasa, Abu Kassim berkata, perkara tersebut akan dipertimbangkan.

Katanya, SPRM sehingga kini belum menerima sebarang aduan rasmi sama ada daripada nelayan-nelayan di Bagan Datoh atau daripada koperasi nelayan di Parlimen itu tetapi berjanji akan menyiasat dakwaan berkenaan.

"Soal letak pegawai itu kita akan berbincang dulu macam mana, kita tidak boleh dedahkan kepada umum tentang operasi kerana ia akan menjejaskan elemen kejutan dalam setiap operasi yang ingin dilakukan," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0415&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_11.htm